

Moratorium bauksit dilanjutkan dua bulan lagi

Putrajaya: Moratorium perlombongan bauksit di Kuantan, Pahang, yang sepatutnya berakhir 15 Julai ini, dilanjutkan untuk dua bulan lagi.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata ia dilanjutkan sehingga 14 September ini berikutan sebahagian stok simpanan bauksit belum dieksport.

Katanya, lanjutan kali ketiga itu dibuat selepas perbincangan antara beliau dengan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yacob, pada 24 Jun lalu dan mendapat kebenaran Kabinet, kelmarin.

"Perbincangan merangkumi be-

berapa perkara yang memerlukan rumusan segera, terutama mengosongkan stok simpanan bauksit di luar Pelabuhan Kuantan iaitu di sekitar bandar Kuantan dan Bukit Goh.

Permintaan perlahan

"Jumlah stok simpanan bauksit di luar Pelabuhan Kuantan dianggar 5.4 juta tan. Bagi tujuan pengosongan stok, sebanyak 25 permit eksport (AP) sudah dikeluarkan bagi mengeluarkan 2.46 juta tan bauksit.

"Bagaimanapun, sehingga 1 Jun lalu, hanya 187,438 tan dieksport walaupun Pelabuhan Kuantan boleh mengendalikan 1.5 juta tan sebulan dan Pelabuhan Kemaman

sebanyak 700,000 tan sebulan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Wan Junaidi berkata, pihak industri memberi alasan permintaan yang perlahan menyebabkan stok simpanan tidak dapat dieksport.

Bukan salah kerajaan

"Ini bukan salah kerajaan, kementerian atau kerajaan negeri, tapi industri itu sendiri tidak bergerak.

"Selagi stok simpanan ini tidak dikeluarkan, operasi di lombong juga tidak akan dibenarkan.

"Kementerian bersedia memberi AP tambahan kepada mereka yang memenuhi syarat," katanya.

Harga bahan bakar naik 5 sen bermula hari ini

Kuala Lumpur: Harga jualan bahan bakar naik 5 sen bermula hari ini, iaitu kenaikan pertama direkod sejak April lalu.

RON95 dan RON97 masing-masing dijual pada harga RM1.75 seliter dan RM2.10 seliter, sementara diesel ditetapkan RM1.60 seliter berbanding RM1.55 seliter bulan lalu.

Presiden Persatuan Pengegar

Minyak Petron, Datuk Alang Zari Ishak mengesahkan kenaikan sebanyak 5 sen itu.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dalam satu kenyataan malam tadi turut memaklumkan penetapan harga baharu bahan bakar itu sudah pun dipersetujui Kementerian Kewangan.